



**KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA  
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 4/2024**

**Ekonomi Malaysia Terus Berkembang, Mencerminkan Prospek Positif**

**PUTRAJAYA, 30 April 2024** – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 4/2024**. Edisi ini memfokuskan kepada statistik terkini yang diterbitkan pada Februari 2024 dan beberapa statistik yang akan datang bagi bulan Mac 2024. Selain itu, edisi ini turut memuatkan artikel tambahan yang bertajuk "Media Sosial: Aktiviti Ekonomi" yang menilai impak ekonomi bagi pempengaruh media sosial di Malaysia.

Melihat pada keadaan ekonomi global, laporan Tinjauan Ekonomi Dunia yang diterbitkan oleh IMF dalam edisi April 2024 meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang konsisten sebanyak 3.2 peratus untuk 2024 dan 2025, selari dengan kadar tahun sebelumnya. Ekonomi negara maju diunjur mencatatkan pertumbuhan marginal, manakala ekonomi negara pasaran baharu dan membangun dijangka mengalami pertumbuhan lebih perlahan daripada 4.3 peratus pada 2023 kepada 4.2 peratus pada kedua-dua tahun 2024 dan 2025. Bagi sudut Malaysia, anggaran pertumbuhan KDNK awalan untuk suku pertama 2024 meningkat sebanyak 3.9 peratus, mencatatkan kenaikan daripada 3.0 peratus berbanding yang direkodkan pada suku sebelumnya. Pertumbuhan tersebut didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan, dengan peningkatan yang ketara diperhatikan dalam semua sektor utama.

Menilai prestasi bulanan petunjuk ekonomi negara, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia (IPP) meningkat 3.1 peratus, menyederhana daripada pertumbuhan 4.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan sederhana ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan output dalam sektor Pembuatan yang perlahan, iaitu meningkat 1.2 peratus berbanding 3.7 peratus pada Januari 2024. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan Elektrik menunjukkan kadar pertumbuhan yang lebih kukuh iaitu masing-masing berkembang 8.1 peratus dan 10.9 peratus. Pada masa yang sama, nilai jualan sektor Pembuatan mencapai RM146.2 bilion, merekodkan pertumbuhan marginal tahun ke tahun sebanyak 0.7 peratus, berbanding pertumbuhan 3.2 peratus pada bulan

sebelumnya berikutan pertumbuhan negatif sebanyak 3.4 peratus dalam Petroleum, kimia, getah dan plastik. Namun begitu, kenaikan nilai jualan disokong oleh pengembangan dalam subsektor Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain pada 7.3 peratus; dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (5.7%).

Bagi konteks sektor Perdagangan Borong & Runcit, sektor Perdagangan Borong dan Runcit Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif, berkembang sebanyak 5.5 peratus tahun ke tahun untuk mencapai nilai jualan bulanan RM141.1 bilion. Pertumbuhan tersebut didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan Runcit, yang meningkat 5.8 peratus atau RM3.4 bilion, berjumlah RM61.5 bilion. Selain itu, Perdagangan Borong dan Kenderaan Bermotor mencatatkan kadar pertumbuhan masing-masing sebanyak 5.2 peratus (+RM3.1 bilion) dan 5.4 peratus (+RM0.9 bilion).

Meneliti trend harga negara, inflasi Malaysia mencatatkan sedikit peningkatan 1.8 peratus pada Februari 2024, selepas tiga bulan berturut-turut pada kadar 1.5 peratus. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kenaikan dalam kumpulan utama seperti Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, yang meningkat 2.7 peratus (menokok daripada 2.0% pada Januari 2024); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, meningkat 1.6 peratus (berbanding 0.8% pada Januari 2024); dan Pengangkutan, meningkat 1.2 peratus (naik daripada 0.7% pada Januari 2024). Pada Mac 2024, inflasi kekal stabil pada 1.8 peratus. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat 0.3 peratus pada Februari 2024, memulih daripada negatif 0.6 peratus pada Januari 2024. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan 6.0 peratus dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (berbanding 3.2% pada Januari 2024), bersama dengan kenaikan dalam sektor Perlombongan, Bekalan air serta Bekalan elektrik & gas. Walau bagaimanapun, sektor Pembuatan terus menurun sebanyak 0.7 peratus (berbanding -0.9% pada Januari 2024). Pada Mac 2024, IHPR meningkat sebanyak 1.6 peratus.

Dari segi perdagangan, prestasi perdagangan Malaysia kekal tumbuh positif pada Februari 2024 dengan peningkatan 3.3 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan tersebut dipacu oleh kenaikan 8.4 peratus dalam import kepada RM100.5 bilion, manakala eksport mengalami penurunan sedikit 0.8 peratus kepada RM111.3 bilion. Berikutan itu, lebihan perdagangan menyusut 44.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, berjumlah RM10.9 bilion. Pada Mac 2024, jumlah dagangan berkembang 5.1 peratus kepada RM244.5 bilion, dengan import meningkat 12.5 peratus, manakala eksport menurun 0.8 peratus. Lebihan dagangan jatuh 52.0 peratus tahun ke tahun, mencecah RM12.8 bilion.

Berdasarkan senario buruh, tenaga buruh Malaysia pada Februari 2024, meningkat 1.8 peratus, iaitu bertambah 293.7 ribu orang berbanding bulan yang sama pada tahun

sebelumnya (Februari 2023: 16.78 juta orang). Justeru, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat 0.3 mata peratus daripada 69.9 peratus pada Februari 2023. Sementara itu, kadar pengangguran kekal pada 3.3 peratus seperti yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.

Merumuskan kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Perubahan tahunan Indeks Pelopor (IP) Malaysia meningkat 2.0 peratus, mencecah 112.7 mata pada Februari 2024 berbanding 110.5 mata pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan konsisten dalam tempoh tiga bulan ini menggambarkan prospek ekonomi yang positif bagi suku kedua 2024, didorong oleh peningkatan dalam Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (28.0%) dan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (9.9%). Selepas 16 bulan di bawah trend, kadar pertumbuhan IP terlicin kembali melebihi trend 100.0 mata pada Februari 2024, menunjukkan ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik pada masa hadapan, dirangsang oleh pertumbuhan domestik dan perbelanjaan isi rumah yang berterusan."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan."

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 APRIL 2024**



**MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 4/2024**

***Malaysia's Economy Thriving, Signalling Positive Outlook***

**PUTRAJAYA, 30th April 2024** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 4/2024**. This edition focuses on the recent statistics released in February 2024 and some forthcoming statistics for March 2024. Additionally, this version includes a supplemental article entitled “Social Media: An Economic Activity” which assesses the economic impact of social media influencers in Malaysia.

Observing the global economic situation, the April 2024 edition of the IMF's World Economic Outlook report forecasts consistent global economic growth of 3.2 per cent for 2024 and 2025, aligning with the previous year's rate. Advanced economies are projected to observe a marginal increase in growth, whereas emerging markets and developing economies are anticipated to witness a slower growth from 4.3 per cent in 2023 to 4.2 per cent in both 2024 and 2025. In the case of Malaysia, the advance GDP estimates for the first quarter of 2024 rose by 3.9 per cent, marking an improvement from the 3.0 per cent recorded in the previous quarter. This growth was predominantly driven by the Services sector, with significant expansions observed across all primary sectors.

Evaluating the monthly performance of the country's economic indicators, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Malaysia's Industrial Production Index (IPI) grew 3.1 per cent, moderating from 4.3 per cent growth recorded in the prior month. This slowdown was chiefly ascribed to a decrease in output growth within the Manufacturing sector, which rose by 1.2 per cent compared to 3.7 per cent in January 2024. Conversely, the Mining and Electricity sectors saw accelerated growth rates of 8.1 per cent and 10.9 per cent respectively. Simultaneously, the Manufacturing sector's sales value reached RM146.2 billion, marking a marginal year-on-year rise of 0.7 per cent, in contrast to the 3.2 per cent growth seen in the preceding month due to a negative growth of 3.4 per cent in Petroleum, chemical, rubber and plastic. The increase in sales value however was supported by an expansion in the Transport equipment &

other manufactures at 7.3 per cent; and the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (5.7%) sub-sectors."

*In the context of the Wholesale & Retail Trade sector, Malaysia's Wholesale and Retail Trade sector demonstrated positive growth, expanding by 5.5 per cent year-on-year to reach a monthly sales value of RM141.1 billion. This growth was driven primarily by the Retail Trade sub-sector, which increased by 5.8 per cent or RM3.4 billion, totalling RM61.5 billion. Additionally, Wholesale Trade and Motor Vehicles saw growth rates of 5.2 per cent (+RM3.1 billion) and 5.4 per cent (+RM0.9 billion) respectively.*

*Examining the country's prices trends, Malaysia registered a slight uptick in inflation to 1.8 per cent in February 2024, following three consecutive months at 1.5 per cent. This increase was primarily driven by rises in key categories such as Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, which reached 2.7 per cent (up from 2.0% in January 2024); Recreation, Sport & Culture, which rose to 1.6 per cent (compared to 0.8% in January 2024); and Transport, which increased to 1.2 per cent (up from 0.7% in January 2024). In March 2024, inflation remained steady at 1.8 per cent. Meanwhile the Producer Price Index (PPI) rose by 0.3 per cent in February 2024 rebounding from a negative 0.6 per cent in January 2024. This increase was driven by a 6.0 per cent incline in the Agriculture, forestry & fishing sector (compared to 3.2% in January 2024), along with rises in the Mining sector, Water supply index, and Electricity & gas supply sector. However, the Manufacturing sector continued its decline, decreasing by 0.7 per cent (compared to -0.9% in January 2024). In March 2024, the PPI increased by 1.6 per cent.*

*In terms of trade, Malaysia's trade performance remained positive growth in February 2024 with a 3.3 per cent year-on-year increase. This growth was driven by an 8.4 per cent surge in imports to RM100.5 billion, while exports experienced a slight dip of 0.8 per cent to RM111.3 billion. Consequently, the trade surplus contracted by 44.4 per cent compared to the previous year, totalling RM10.9 billion. In March 2024, total trade expanded by 5.1 per cent to RM244.5 billion, with imports increasing by 12.5 per cent, while exports declined by 0.8 per cent. The trade surplus decreased by 52.0 per cent year-on-year, reaching RM12.8 billion.*

*Given labour scenario, Malaysia's labour force in February 2024, expanded by 1.8 per cent, adding 293.7 thousand persons compared to the same month in the previous year (February 2023: 16.78 million persons). Subsequently, the Labor Force Participation Rate (LFPR) increased by 0.3 percentage points from 69.9 per cent in February 2023. Meanwhile, the unemployment rate remained at 3.3 per cent as recorded in the prior month.*

*In his concluding remarks, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said “Malaysia’s Leading Index (LI) annual change climbed to 2.0 per cent, reaching 112.7 points in February 2024 compared to the previous year’s 110.5 points. This consistent growth over three months signals a positive economic outlook for the second quarter of 2024, driven by increases in the Bursa Malaysia Industrial Index (28.0%) and Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-ferrous Metals (9.9%). After 16 months below trend, the LI’s smoothed growth rate returned above the 100.0 points trend in February 2024, indicating a resurgence in forward-looking optimism for Malaysia’s economy, supported by sustained domestic growth and household spending.”*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users’ analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.”*

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
30<sup>th</sup> APRIL 2024**